

**MUZIK DAN TARI LANDOK SAMPOT: KAJIAN KES DI
KLUET TIMUR, ACEH SELATAN**

**DANI AMIN
(M20121000980)**

**KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA**

**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Kajian ini bermatlamat untuk meneroka kewujudan muzik dan tari *landok sampot* di daerah Lawee Sawah, Aceh Selatan, Indonesia yang pada masa ini tengah terancam pupus. Objektif kajian ini adalah : untuk melihat kewujudan, usaha pemeliharaan / pemulihan, dan faktor-faktor apa saja yang mempengaruhi pupusnya muzik dan tari *landok sampot* dalam kebudayaan masyarakat di Kluet Timur daerah Aceh Selatan. Kaedah kajian yang digunakan ialah pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Kajian ini dijalankan menerusi kaedah kualitatif dengan pendekatan kajian kes. Kajian ini telah dijalankan terhadap 10 orang responden yang dipilih secara bertujuan (purposive). Dapatan kajian menunjukkan keadaan tari *landok sampot* pada ketika ini sudah agak jarang dipersembahkan, *landok sampot* juga tidak berkembang diluar kawasan Lawee Sawah, Aceh Selatan. Di Lawe Sawah. faktor-faktor yang menyebabkan kepupusan muzik dan tari Landok Sampot adalah semakin jarangnye persembahan tari Landok Sampot, kebanyakan pemuzik dan penari senior banyak yang sudah tiada. kurangnya minat generasi muda dan sikap masyarkat sendiri, yang tidak mahu orang diluar Lawee Sawah dan orang di luar Kluet mempelajari *landok sampot*, kerana takut akan diambil hak ciptanya oleh orang lain. Usaha-usaha untuk mengekalkan muzik dan tari Landok Sampot adalah membentuk sanggar seni *landok sampot* untuk mengajarkan tari ini kepada anak muda, melakukan sosialisasi Landok Sampot kepada generasi muda melakukan persembahan-persembahan dalam Pekan Kebudayaan Aceh. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran sebenar keadaan muzik dan tari Landok Sampot pada masa ini. Sehingga kerajaan Aceh, dapat memberi tumpuan lebih besar dan bersama-sama masyarakat mengekalkan dan mengembangkan muzik dan tari Landok Sampot.

Kata Kunci; Muzik dan tari landok sampot, Aceh Selatan, kewujudan, kepupusan, mengekalkan.



ABSTRACT

This study aims to explore the existence of music and *Landok Sampot* dance in the area of Lawee Sawah, South Aceh-Indonesia which at this time are at risk of extinction. The objective of this study is: to see the existence, conservation/restoration, and factors influencing music and *Landok Sampot* dance in East Kluet culture in South Aceh district. The instruments used are observation, interviews and document analysis. This study is carried out through qualitative methods with case studies on 10 selected respondents intended (purposeful). Results showed that the dance *Landok Sampot* at this point is quite rare presented, *Landok Sampot* not expanded outside the Lawee Sawah, South Aceh. In Lawee Sawah, the factors that lead to the extinction of music and *Landok Sampot* dance is decrease in dance performances, most of seniors musicians and dancers passed away. Lack of interest of the younger generation and the attitude of the society which less willing to teach *Landok Sampot* dance for the non-society of Lawee Sawah and Kluet which causing the copyright will be taken by others. Efforts to preserve the music and *Landok Sampot* dance by socialize *Landok Sampot* dance and establishing art gallery to teach this dance to young generation also doing performances in Aceh Cultural Week. This study is expected to provide an overview and real situation of music and *Landok Sampot* dance at this time. Hopefully the government of Aceh able to provide great concern and together with the community preserving also develop music and *Landok Sampot* dance.

Keywords: *Music and Landok Sampot dance, South Aceh, existence, extinction, maintain.*



KANDUNGAN

Muka Surat

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar belakang	2
1.3	Pernyataan masalah	4
1.4	Objektif kajian	5
1.5	Soalan kajian	6
1.6	Kerangka konsep	6
1.7	Definisi Konsep	7
1.8	Kepentingan kajian	8

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	9
2.1	Kajian Lepas	10
2.2	Sejarah perkembangan muzik dan tari	11
2.3	Muzik dan Tari Landok Sampot	12

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	16
3.2	Reka bentuk kajian	17
3.2	Instrumen kajian	19
3.3	Responden kajian	22
3.4	Tempat kajian	24
3.5	Kaedah menganalisis data	25
3.6	Batasan Kajian	25
3.7	Kebolehpercayaan dan Kesahan	26

BAB 4 Hasil Dapatan

4.1	Pengenalan	27
4.2	Bagaimanakah kewujudan Muzik dan Tari Landok Sampot	28
4.4	Faktor-faktor Apa saja yang mempengaruhi pupusnya Muzik dan Tari Landok Sampot	58
4.5	Bagaimanakah Usaha Mengekalkan Muzik dan Tari Landok Sampot	61

BAB 5 Rumusan

5.1	Pengenalan	65
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	66
5.3	Kesimpulan	69

Rujukan

v

Lampiran

vi

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini akan membicarakan latar belakang kajian, rumusan masalah, objektif kajian (melihat kewujudan Muzik dan Tari Landok Sampot dalam kebudayaan masyarakat di Aceh Selatan, mengenal pasti faktor-faktor yang mengancam pupusnya Muzik dan Tari Landok Sampot di daerah Aceh Selatan dan mengenal pasti upaya mengekalkan Muzik dan Tari Landok Sampot di daerah Aceh Selatan), soalan kajian, kerangka teori, definisi konsep dan kepentingan kajian.

1.2 Latar belakang kajian

Kepulauan Nusantara yang merangkumi ratusan etnik, mempunyai budaya dan kesenian yang sangat kaya, pelbagai dan berbeza-beza. Kepelbagaian budaya tersebut merupakan salah satu kekayaan yang tak ternilai harganya. Namun pada umumnya masyarakat belum mengenal pasti secara keseluruhan kepelbagaian tersebut sehingga kerap mengabaikan untuk mengekalkan budaya dan seni mereka. Akibatnya ialah generasi masa depan terancam tidak lagi dapat menikmati warisan budaya dan seni leluhurnya.

Aceh merupakan satu daerah di Nusantara yang mempunyai kebudayaan yang begitu beraneka ragam. Antara kepelbagaian dan kekayaan khazanah budaya dan seni di Aceh ialah Muzik dan Tari Landok Sampot di Kluet, Aceh Selatan. Muzik dan Tari Landok Sampot yang mempunyai bentuk pembentangan yang tersusun dengan sistematik, dipentaskan dalam upacara adat dan upacara keagamaan, terutamanya digunakan sebagai media dakwah melalui syair-syair tentang mendekatkan diri kepada Allah SWT dan Rasul-Nya nabi Muhammad SAW. Muzik dan Tari Landok Sampot juga berfungsi sebagai salah satu simbol dan senjata masyarakat dalam menentang penjajahan Belanda.

Seiring dengan perkembangan zaman dan semakin berkembang pula muzik dan tari moden yang tersebar diseluruh nusantara, Muzik dan Tari tradisional Landok Sampot yang berada di Aceh Selatan, iaitu di Kluet Timur justeru mengalami kemunduran atau hampir pupus disebabkan kurangnya perhatian dari masyarakat dan kerajaan tempatan. Ini menyebabkan

pementasan Muzik dan Tari Landok Sampot diketepikan sehingga terjadinya penurunan minat terhadap muzik dan tari tradisional yang berada di Kluet.

Keunikan dan keistimewaan pelbagai muzik dan tarian yang dimiliki oleh setiap etnik dan daerah adalah aset yang sepatutnya dipelihara. Kekayaan khazanah muzik dan tarian boleh menjadi tarikan tersendiri bagi para pelancong untuk datang dan menyaksikan muzik dan tarian berkenaan. Hal ini juga tentu dapat membantu meningkatkan ekonomi masyarakat dan pendidikan di sekolah dalam mengajarkan salah satu seni iaitu muzik dan tari Landok Sampot, sehingga muzik dan tari tersebut tidak mengalami kepupusan dan akan terjaga pemeliharaannya dengan baik. Muzik dan Tari Landok Sampot juga dapat terus dikenali oleh orang ramai dan mengelakkan seni ini dari kepupusan. Ini bersesuaian dengan kajian yang dijalankan Malarsih (2005) yang mendapati sememangnya muzik dan tarian tradisional yang berada di Indonesia terancam mengalami kepupusan bila tidak ada usaha untuk mengekalkannya.

Kajian ini bertujuan untuk meneroka bagaimana usaha masyarakat tempatan dalam memelihara dan menjaga Muzik dan Tari Landok Sampot. Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat kewujudan, usaha pemeliharaan/pemulihan, dan mengenalpasti faktor-faktor yang membawa kepada hilangnya minat terhadap Muzik dan Tari Landok Sampot dalam kebudayaan masyarakat di Kluet Timur di daerah Aceh Selatan.

1.2 Pernyataan masalah

Landok Sampot merupakan Muzik dan Tari tradisional yang berada di daerah Kluet, khususnya di Kluet Timur Aceh Selatan. Muzik dan tarian Landok Sampot ini di persembahkan secara berdampingan, dengan jumlah penari sebanyak lapan orang yang terdiri dari laki-laki dewasa. Semua laki-laki memakai peralatan iaitu buluh yang dibuat seperti pancing, dimana buluh tersebut dipukul-pukul ke bawah dengan gerakan tersendiri sambil penari mengucapkan kata-kata atau nyanyian tertentu yang mengandungi nasihat. Nyanyian tersebut dipimpin oleh dua orang yang disebut sebagai cahi (syeh).

Syair Muzik dan Tari Landok Lampot di iringi oleh beberapa alat muzik tradisional iaitu satu buah Gong, dua buah canang (talempong), dua buah gendang, dan satu buah seruling bambu.

Sofiati dan Ikhsan (2006:7) menyatakan bahawa ada pelbagai jenis Muzik dan Tari landok termasuk muzik dan tarian adat. Muzik dan tarian ini juga diadakan pada upacara adat iaitu pada majlis perkawinan dan berkhatan. Pada zaman dahulu Muzik dan Tari Landok diadakan hanya untuk Raja-Raja sahaja. Rakyat biasa hanya boleh menikmati Muzik dan Tari Landok setelah mendapat persetujuan dari Raja. Menurut team IKMK (2006:164), dalam masyarakat Aceh terdapat bermacam-macam kesenian seperti Muzik dan Tarian Ranup Lampuan, Likok Pulo, Sedati, Meratuh, dan Rapa'i geleng. Semua jenis kesenian tersebut pada umumnya sering ditemui di seluruh Aceh. Namun Muzik dan Tari Landok Sampot tersebut hanya boleh didapati di daerah Kluet Timur di Aceh Selatan.


1.3 Objektif Kajian

1. Untuk melihat kewujudan semasa Muzik dan Tari Landok Sampot dalam kebudayaan masyarakat di Kluet Timur Kabupaten, Aceh Selatan.
2. Untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mengancam pupusnya Muzik dan Tari Landok Sampot di daerah Aceh Selatan.
3. Untuk mengenal pasti usaha-usaha mengekalkan Muzik dan Tari Landok Sampot di daerah Aceh Selatan.

1.5 Soalan Kajian

- 1. Apakah kewujudan semasa Muzik dan Tari Landok Sampot masa kini dalam kebudayaan masyarakat di Kluet Timur?
- 2. Faktor-faktor apakah yang mempengaruhi pupusnya Muzik dan Tari Landok Sampot di daerah Aceh Selatan?
- 3. Bagaimanakah usaha mengekalkan Muzik dan Tari Landok Sampot di daerah Aceh Selatan?

1.3 Kerangka Konsep



1.7 Definisi Konsep

1.7.1 Muzik

Jamalus (1991/1992 :2) mengatakan bahwa muzik adalah salah satu bentuk seni sebagai bahasa emosi yang bersifat universal. Melalui muzik orang dapat mengungkapkan emosinya. Kemampuan untuk dapat mengungkapkan emosi melalui muzik, merupakan keterampilan yang unik terhadap perasaan.

Dari pendapat diatas dapat disimpulkan bahwa muzik adalah sejenis pengungkapan perasaan atau gagasan melalui bunyi yang unsur dasarnya berupa melodi, irama dan harmoni dengan unsur pendukung berupa bentuk gagasan, sifat dan warna bunyi.

1.7.2 Tari

Menurut Kamus Dewan (2002) tarian ialah gerakan badan serta tangan dan kaki mengikut rentak muzik. Mengikut Soedarsono (1977:17) Tari adalah ekspresi jiwa manusia yang diungkapkan melalui media gerak yang berirama dan indah. Pada dasarnya pemahaman terhadap tari tertuju pada unsur-unsur pergerakan yang indah berdasarkan irama-irama muzik, syair yang dilagukan atau tepuk tangan dan hentakan kaki.

1.7.3 Landok Sampot

Menurut Hadjad (1987: 121) Muzik dan Tari Landok Sampot sebagai salah satu muzik dan tari tradisional Aceh, yang berada di Aceh Selatan, iaitu di Kluet Timur, atau yang lebih tepat di Desa Lawe Sawah. Muzik dan Tari Landok Sampot dipersembahkan dalam upacara keagamaan, dan dakwah.

1.8 Kepentingan kajian

Dapatan kajian ini penting untuk melihat kewujudan Muzik dan Tari Landok Sampot dalam kebudayaan masyarakat di Aceh Selatan, mengenal pasti faktor-faktor apa saja yang mempengaruhi pupusnya Muzik dan Tari Landok Sampot dan mengenal pasti usaha pemeliharaan Muzik dan Tari Landok Lampot di daerah Aceh Selatan.

Menurut Hadjad (1987:121). Muzik dan Tarian Landok Sampot adalah aset seni budaya Negara yang jika dipelihara, akan mengekalkan muzik dan tarian sehingga dapat menjadi tarikan tersendiri bagi para pelancong untuk datang dan menyaksikan muzik dan tarian berekenaan. Hal ini tentu dapat membantu meningkatkan ekonomi masyarakat tempatan. Selain itu masyarakat dari pelbagai etnik, kaum dan daerah lain boleh memiliki kesempatan untuk mempelajari muzik dan tarian tersebut sehingga muzik dan tarian tersebut akan terus dikenali oleh etnik, kaum, atau orang-orang dari daerah bahkan negara lain.

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan tentang beberapa kajian yang terdahulu mengenai usaha pemeliharaan seni Muzik dan Tari. Turut disertakan huraian mengenai perkembangan Muzik dan Tari Landok Sampot, sejarah perkembangan Muzik dan Tari Landok Sampot dan gerakan Tari Landok Sampot.

2.1 Kajian Lepas

Malarsih (2005) mendapati antara usaha untuk memelihara Muzik dan Tari tradisional Jawa Mangkunegaran ialah mempertahankan keasliannya melalui latihan dan pembentangan terutamanya dalam upacara adat, menyesuaikan bahan-bahan dan fungsi tari dalam mengikuti keperluan masyarakat semasa, menyebarkan pada masyarakat umum dengan cara melatih para pemuzik dan penari dari masyarakat umum, melakukan pembentangan untuk pelbagai kepentingan umum, mengikuti pertukaran seni budaya dengan negara sahabat, dan menulis buku mengenai muzik dan tari gaya Mangkunagaran agar mudah dipelajari oleh masyarakat.

Kajian Dino (2007) mengenai usaha memartabatkan Muzik dan seni Tari Melayu Sarawak mendapati antara usaha-usaha yang dilakukan organisasi-organisasi kebudayaan tempatan ialah meningkatkan usaha promosi, mewujudkan laman web mengenai Zapin Sarawak, mengadakan usaha sama dengan jawatan terbabit, menggalakkan kombinasi hasil karya tradisional dan moden, menerapkan muzik dan tarian Zapin Sarawak dalam kursus muzik dan tarian yang ada, mewujudkan anugerah budaya Melayu Sarawak dan mengusahakan wujudnya undang-undang negara dalam aspek seni.

Berdasarkan kajian- kajian lepas baik yang dijalankan di Indonesia (Malarsih, 2005) mahupun kajian di Malaysia (Dino, 2007), menunjukkan bahawa sememangnya muzik dan tari tradisional sentiasa berdepan dengan ancaman kepupusan. Oleh itu pelbagai usaha telah dijalankan untuk mengekalkan musik dan tari tradisional. Menarik untuk mengamati adakah fenomena yang sama

berlaku terhadap Muzik dan Tari Landok Sampot, serta faktor-faktor yang mengancam pupusnya Muzik Dan Tari Landok Sampot dan bagaimana usaha masyarakat tempatan untuk mengekalkan Musik dan Tari Landok Sampot. Untuk mendapatkan jawapan dari permasalahan tersebut maka satu kajian tentang "Muzik dan Tari Landok Sampot: Kajian Kes di Daerah Aceh Selatan" penting untuk dijalankan

2.2 Sejarah Perkembangan Seni Muzik dan Tari

Seni muzik dan tari adalah sebahagian daripada kesenian yang secara umum istilah seni muzik dan tari sudah dikenal. Hal ini disebabkan oleh seorang pencipta muzik dan tari yang melalui muzik dan tarinya membuat orang lain merasa untuk menari. Ini terjadi kerana dalam sebuah muzik dan tarian, selain elemen gerak dan pukulan juga ada unsur keindahan yang harmoni sebagaimana dijelaskan oleh Kussudiarjo dalam Hidayat (2004:28) "Bahawa seni muzik dan tari adalah keindahan gerak anggota -anggota badan manusia yang bergerak, berirama dan berjiwa atau dapat juga diberi arti seni muzik dan tari adalah keindahan bentuk dari anggota badan manusia yang bergerak, berirama dan berjiwa harmoni. "

Biasanya orang mengatakan isi hatinya atau perasaannya dengan ucapan atau kata-kata / bahasa, maka manusia purba yang miskin dalam hal kata-kata berusaha melahirkan segala keinginan serta suara hatinya melalui gerak atau isyarat. Jadi gerak atau isyarat adalah bahasa yang paling tua yang dipakai oleh manusia sebagai media untuk saling berkomunikasi. Berdasarkan kutipan di atas, dapat dikatakan bahawa komunikasi tidak hanya dilakukan dengan

bahasa, tetapi komunikasi dapat juga dilakukan dengan menggunakan gerakan-gerakan dalam bentuk tarian yang mengandung unsur-unsur berirama atau irama.

Gerak adalah sebuah ungkapan yang bermakna, namun pengalaman gerak untuk sebuah muzik dan tarian tidak hanya untuk kebermanaknaan atau bertujuan supaya orang lain memahami apa yang dimaksudkan oleh penarinya. (Hidayat, 2004: 5). Soedarsono (1977:17) lebih lanjut mengatakan bahawa Muzik dan Tari adalah ekspresi jiwa manusia yang diungkapkan melalui media gerak yang berirama dan indah. Pada dasarnya pemahaman terhadap muzik dan tari tertuju pada unsur-unsur gerak yang berpredikat indah dan gerak itu dibentangkan dalam irama-irama yang dimaksudkan tidak hanya hadir dalam suasana instrument muzik tertentu, tetapi syair yang dilagukan atau tepuk tangan juga hentakan kaki dapat berperanan menjadi irama. Muzik dan Tari merupakan salah satu ciptaan manusia, kerana itu sifat, gaya dan fungsi muzik dan tari tidak dapat dipisahkan dari kebudayaan. Salah satu unsur kebudayaan yang membentuk bermacam-macam cabang adalah seni muzik dan tari tersebut.

2.3 Muzik dan Tari Landok Sampot

Syamsudin(dkk.1987) menyatakan Muzik dan Tari merupakan salah satu ciptaan manusia, kerana itu sifat, gaya dan fungsi muzik dan tari tidak dapat dipisahkan dari kebudayaan, unsur kebudayaan antaranya kesenian yang membentuk bermacam-macam cabang salah satunya adalah seni muzik dan tari. Seni muzik dan tari menggunakan gerakan-gerakan, alat muzik, kostum dan media yang sangat sederhana. Syair-syairnya juga tentang pendekatan kepada Allah

SWT dan Rasul-Nya Nabi Muhammad SAW. Sebagaimana kesenian tradisional pada umumnya, kesenian tersebut mencerminkan adat-istiadat yang merupakan milik masyarakatnya yang perlu dipelihara agar muzik dan gerak-gerak tari yang ada tidak punah dan terpelihara dengan baik.

2.3.1 Sejarah Landok Sampot

Menurut sejarahnya perkataan Landok Sampot berasal dari bahasa Kluet yakni Landok dan Sampot. Landok artinya tari dan Sampot artinya pukul. Oleh itu Landok Sampot bila diterjemahkan kedalam bahasa Indonesia ialah muzik dan tari pukul. Muzik dan Tari Landok Sampot berasal dari upacara adat, upacara keagamaan iaitu agama Islam yang digunakan sebagai salah-satu media dakwah melalui pendedahan syair-syairnya yang mengarahkan kepada kemantapan dan pendekatan kepada Allah SWT. dan Rasulullah SAW. : www.kluetmedia.com

Pada zaman penjajahan Belanda, Muzik dan Tari Landok Sampot ini sangat dimanfaatkan oleh Hulubalang dan Raja pada waktu itu. Muzik dan Tari Landok Sampot hanya boleh dimainkan disekitar istana Raja atau Hulubalang saja, digunakan untuk hiburan raja dan orang-orang tertentu dari Belanda. Dan dilarang keras muzik dan tari ini dimainkan ditempat-tempat yang lain. Lama kelamaan walaupun ruang gerak muzik dan tari ini sempit, tetapi raja memerintahkan bahawa setiap kampung harus ada kumpulan Muzik dan Tari Landok Sampot dengan tujuan dipertandingkan di halaman istana Raja yang digunakan oleh Belanda untuk tujuan hiburan. Permainan muzik dan tari ini hanya dimainkan pada malam hari saja (Siagin, 1992: 2). Disamping sebagai hiburan yang paling dominan, Muzik dan Tari Landok Sampot juga

dipertunjukkan pada acara berkhatan yang khususnya anak Raja, Hulubalang dan keluarganya.

Menurut kebiasaan adat, tidak akan sempurna jika tidak mengadakan upacara sunnat Rasul dengan dimeriahkan oleh Muzik dan Tari Landok Sampot.

2.3.4 Muzik dan Tari Landok Sampot

Gerak muzik dan tari ini bermula dari latihan pukulan gendang dan berupa gerakan perang-perangan dengan seorang pelakon perlu memakai baju putih dan memegang sampot, yang hujungnya diberi gincu merah. Mereka akan melakukan pergerakan sampot (pukul-memukul) antara satu orang dengan lawannya. Yang menandakan menang kalahnya ialah dengan melihat kepada berapa kali gincu merah tersebut tercalar atau terpukul di badan lawan (baju putih). Pihak yang paling sedikit menerima calar ialah yang menang. Untuk memberi semangat setiap kumpulan barisan belakang disertai dengan sederatan wanita atau gadis-gadis sambil bersorak-sorak, begitu juga kumpulan lawan. Dan suasana ini cukup meriah kerana dihadiri oleh penonton dari desa masing-masing. www.kluetmedia.com

Namun pihak Belanda mengharamkan perang-perangan ini kerana boleh menjadi symbol kepada penentangan terhadap kuasa Belanda. Akhirnya permainan inipun hilang begitu saja. Kemudian permainan ini aktif kembali sebagai hiburan Raja-raja dan Belanda dengan merubah permainan antara lain dengan baju penari tidak lagi warna putih tetapi diganti menjadi warna merah. Begitu juga tidak ada lagi barisan wanita atau gadis-gadis yang menjadi pembakar semangat. Selepas ini ghairah kumpulan Muzik dan Tari Landok Sampot menurun dan akhirnya

muzik dan tari ini sudah jarang dipaparkan kecuali kalau sengaja diminta tampil pada acara-acara besar dalam bentuk festival muzik dan tari tradisional.

Dalam penampilan Muzik dan Tari Landok Sampot sama halnya dengan muzik tari-tari tradisional yang lain, iaitu menggunakan muzik untuk pengiring tari.

Muzik dan Tari Landok Sampot mempunyai beberapa ragam gerak antara lain adalah:

1. Gerak salam pembuka (penghormatan)
2. Gerak salam main
3. Gerak kedidi
4. Gerak sembar
5. Gerak kedayung
6. Gerak sampot
7. Gerak salam penutup

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Bab ini menjelaskan tentang metodologi kajian yang merangkumi kaedah kajian yang terdiri dari reka bentuk kajian dan instrumen kajian. Bab ini juga merangkumi responden kajian, kaedah menganalisis data dan batasan kajian. Semasa kajian dijalankan, metodologi kajian merupakan aspek terpenting dalam proses membuat penyelidikan. Metodologi menggambarkan sesuatu bentuk rangka kerja dan aliran kerja bagi penyelidikan yang akan dijalankan dan memastikan penyelidikan berjalan seperti yang dikehendaki.

3.2 Reka bentuk kajian

Menurut Othman Lebar (2009: 61) reka bentuk kajian perlulah mempertimbangkan fokus kajian yang munasabah dari segi saiz dan kompleksiti, mudah diakses serta, bersifat menarik kepada penyelidik dan merupakan sesuatu yang penyelidik fikir penting atau akan menjadi penting di masa depan. Kajian ini dijalankan di Lawe Sawah, Aceh Selatan, oleh itu kajian ini dianggap munasabah dari segi saiz, serta mudah diakses oleh pengkaji. Kajian mengenai Muzik dan Tari Landok Sampot ini juga dijangka akan menjadi penting di masa depan, apalagi ditengah ancaman kepupusan Landok Sampot, kajian ini akan menjadi sumber literatur yang sangat penting di masa depan.

Reka bentuk kajian harus sesuai dengan tujuan kajian supaya dapat menghasilkan dapatan yang benar (Piaw, 2006: 53). Oleh hal demikian, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, kaedah kajian kes serta instrumen temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen yang dianggap paling sesuai bagi mencapai matlamat kajian dan menjawab soalan kajian ini.

3.2.1 Pendekatan kajian

Dalam kajian ini penyelidikan akan dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Menurut Patton (1990 :14) pendekatan kualitatif biasanya menghasilkan banyak maklumat dan informasi terperinci dan memperdalam pemahaman terhadap suatu kes atau situasi. Pendekatan kualitatif berdasarkan pada kualiti atau nilai, pernyataan insiden atau peristiwa. Pendekatan kualitatif menerangkan peristiwa secara holistik, dengan penekanan pada perbezaan manusia

sebagai individu (Mohd Najib,1999:34-35). Kajian mengenai Muzik dan Tari Landok Sampot ini sememangnya diharapkan dapat menghasilkan maklumat yang terperinci dan dapatan yang mendalam berkenaan dengan kewujudan Landok Sampot pada masa kini, faktor-faktor yang mempengaruhi pupusnya Landok Sampot dan usaha untuk mengekalkannya. Penyelidikan kualitatif adalah satu usaha untuk memahami situasi dan keunikan daripada konteks tertentu dan interaksi yang berlaku di sesebuah tempat atau latar tertentu. Oleh itu penggunaan kaedah kualitatif adalah sangat bersesuaian untuk kajian ini.

3.2.2 Kaedah kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes yang merupakan suatu penyelidikan terperinci dan mendalam. Creswell (2013: 97) menyatakan kajian kes adalah satu reka bentuk penyelidikan kualitatif dimana penyelidik meneroka kehidupan sebenar sama ada sebuah kes tunggal ataupun pelbagai kes secara terperinci dan mendalam. Kajian kes menawarkan cara untuk mengkaji unit sosial yang kompleks yang terdiri daripada pelbagai pembolehubah yang memiliki potensi penting dalam memahami fenomena (Merriam, 2009: 50).

Menurut Noraini Idris (2010: 288) kajian kes merupakan penerangan dan penganalisan terperinci sesuatu fenomena atau unit sosial seperti seorang individu, kumpulan, institusi atau komuniti. Kajian ini sememangnya mengkaji dan menganalisis fenomena berkenaan Muzik dan Tari Landok Sampot, misalnya ancaman kepupusan muzik dan tari ini. Kajian ini juga bersesuaian dengan matlamat kajian kes kerana fokus pada kumpulan tertentu, iaitu kumpulan

seniman Landok Sampot dan komuniti masyarakat Lawee Sawah. Oleh itu penggunaan kaedah kajian kes adalah sangat tepat untuk kajian ini.

3.2.3 Instrumen kajian

Instrumen kajian adalah segala bentuk peralatan memungut data yang digunakan dalam penyelidikan, termasuk juga dalam istilah instrumen ialah peralatan pemungutan data yang digunakan dalam penyelidikan seperti soal selidik, temuduga, pemerhatian dan sebagainya. (Mochtar Ismail, 2011: 110). Dalam kajian ini instrumen yang digunakan ialah temu bual, pemerhatian, dan dokumentasi. Ketiga instrumen ini dianggap memadai untuk membantu mencapai matlamat kajian ini.

3.2.3.1 Temubual

Temubual (TB) ini bertujuan untuk mendapatkan sejenis maklumat khas. Temubual diperlukan apabila penyelidik tidak boleh memerhatikan tingkah laku, perasaan atau bagaimana orang mentafsir persekitarannya dan peristiwa yang lalu. Temubual adalah satu proses dimana penyelidik dan responden melibatkan diri dalam perbualan yang memberi tumpuan kepada soalan yang berkaitan dengan kajian. Ini bersendapat dengan (Merriam, 2009: 87-88). Temu bual atau *interview* adalah kaedah bilamana maklumat penyelidikan berkenaan seperti fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya yang diperoleh penyelidik berasal dari subjek kajian. Temubual menghendaki penyelidik berinteraksi secara langsung dan aktif (Muhammad